

09/10/1999

Calon Presiden Indonesia dibayangi Amerika

KETIKA berucap di Amerika Syarikat baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengecam beberapa tindak-tanduk Amerika dan Australia di Timor Timur. Kita tidak fikir kecaman Dr Mahathir berkesan kepada kedua-dua negara besar itu. Buah fikiran Malaysia bahkan pendapat Indonesia sendiri tidak diambil kira oleh kuasa-kuasa itu. Amerika dan Australia merasa mereka bertanggungjawab sepenuhnya di Timor Timur. Indonesia tidak masuk dalam perkiraan mereka. Apa lagi Indonesia sendiri sedang mengalami krisis dalaman. Perebutan jawatan presiden sedang berlangsung sekarang. Siapakah bakal presiden? Habibie belum pasti diangkat sebagai presiden. Pemimpin Parti Amanat Nasional, Amien Rais meminta Habibie jangan bertanding sebagai calon presiden. Pencalonan Habibie boleh membahayakan keselamatan negara, kata Amien Rais. Apakah bahaya itu tidak pula dijelaskan. Memang Habibie menghadapi kecaman meluas mengenai cara ia mengendalikan isu Timor Timur. Skandal Bank Bali dikatakan membabitkan Habibie. Tetapi apakah sebenarnya amaran Amien Rais agar Habibie jangan bertanding demi keselamatan negara? Adakah kerana Habibie tidak disukai oleh Amerika dan Australia? Siapakah yang disukai oleh Amerika? Amien Rais sendiri? Megawati Sukarno Puteri?

Pemilihan presiden diselenggarakan dalam keadaan Indonesia mengalami krisis paling tenat. Di tengah-tengah kota, pelajar membantah angkatan bersenjata diberikan kuasa lebih besar, bertempur dengan tentera dan beberapa pelajar terbunuh. Di samping itu tunjuk perasaan anti Australia pula tercetus. Semua ini mencetuskan suasana tidak menentu. Sedangkan Indonesia menghadapi krisis amat berat akibat isu Timor Timur.

Amerika melayani Indonesia seolah-olah negara yang mempunyai penduduk lebih 200 juta itu seperti sebuah negara pulau yang kerdil di Pasifik. Setiausaha Pertahanan Amerika, William Cohen memberi amaran bahawa Indonesia akan menghadapi sekatan ekonomi dan pemencilan diplomatik jika tidak mengawal tenteranya atau membuat pembaharuan demokrasi. Cohen tidak pula membuat kenyataan ini kepada Habibie atau Jeneral Wiranto di Jakarta melainkan membuat amaran ini dalam media Australia. Apa salahnya beliau menunggu sehingga bertemu dengan Habibie atau Wiranto untuk membuat kenyataannya yang keras itu? Mengapa memberitahu satu dunia terlebih dulu betapa dia akan membuat kenyataan yang tegas kepada pemimpin Indonesia? "Pemerintah awam Indonesia perlu mengatasi tentera... dunia sedang memerhati", kata Cohen. Kerajaan Indonesia perlu melindungi pelarian pro kemerdekaan yang melarikan diri ke Nusa Tenggara Timur (Timor Barat).

Kata Cohen, "Saya akan membawa mesej bahawa kerajaan Indonesia bertanggungjawab memastikan pelarian di Timor Barat kembali ke rumah mereka di Timor Timur". Indonesia, katanya mesti menghalang militia pro autonomi daripada mengganggu atau mengancam pelarian pro kemerdekaan. Lalu dia mengulangi amarannya, kegagalan Jakarta meneruskan pembaharuan ekonomi serta mengawal tenteranya akan mencetuskan kesan serius.

Tidak saja Cohen tetapi Setiausaha Negara, Madeleine Albright juga dengan nada yang sama memberi amaran kepada Indonesia agar mematuhi setiap kehendak masyarakat antarabangsa membantu rakyat Timor Timur.

Adalah jelas bahawa Amerika tidak berselindung-selindung menggertak dan mengugut Indonesia agar mengikut telunjuknya. Kata dua dan ugutan tidak dipernyatakan dalam bahasa yang sopan atau di antara dua negara sahabat melainkan dinyatakan secara kasar dan keras antara seorang 'bully' kepada budak suruhannya.

Mengapakah demikian malang sekali nasib Indonesia sejak kejatuhan Suharto? Dari sebuah negara sahabat Amerika yang disanjung, ia telah menjadi sebuah negara yang menjadi cemoohan negara seperti Amerika dan Australia. Begitu malang sekali nasib Indonesia sekarang? Tetapi adakah keadaan akan berubah selepas seorang presiden dipilih?

Siapakah bakal presiden? Apakah presiden baru dapat mengubah keadaan di Indonesia? Adakah Megawati akan bersedia tegas terhadap sikap Amerika yang biadab? Kalau sekiranya Habibie dipilih, adakah dia mampu mempertahankan maruah dan nama baik Indonesia?

Adakah Amerika memainkan peranan dalam pemilihan presiden? Sesetengah pemerhati menganggap Amerika tidak perlu memilih bakal presiden baru Indonesia kerana siapapun yang dipilih terpaksa tunduk kepada telunjuk Barat terutama Amerika.

Mungkin Amerika ingin menghalang tentera daripada berkuasa kerana yang demikian akan menghalang pertumbuhan demokrasi di Indonesia. Tetapi adakah peranan Angkatan Bersenjata dapat dibatasi tanpa mencetuskan masalah politik yang rumit? Siapakah di antara tokoh Indonesia sekarang yang sanggup menghalang tentera menuntut haknya? Sebelum ini tersebar berita bahawa Jeneral Wiranto telah ditawarkan jawatan Timbalan Presiden tetapi adakah berita itu benar tidaklah diketahui. Apa yang jelas ialah angkatan bersenjata masih berpengaruh dan masih bertekad menuntut haknya yang sah di sisi perlembagaan.

Amerika mempunyai sejarah campur tangan dalam urusan dalam negeri di Indonesia sejak dari zaman Sukarno lagi. Ketika itu Indonesia merupakan satu-satunya negara Afro Asia yang berpengaruh. Parti Komunis Indonesia merupakan parti komunis yang terbesar di seluruh dunia. Amerika membantu pemberontakan dalam negeri malah mengalakkan penubuhan sebuah negara berasingan dan di Sumatera untuk memecah-belahkan republik itu. Amerika juga memainkan peranan dalam pemberontakan Parti Komunis Indonesia (PKI) hingga mengakibatkan berjuta rakyat Indonesia menjadi korban. Dengan kejatuhan Sukarno, Amerika menyokong Suharto hingga ke saat-saat akhir pemimpin Order baru itu.

Kini siapakah pilihan Clinton? Adakah Habibie? Adakah Amien Rais? Adakah Megawati Sukarno Puteri?

Siapa pun yang berkuasa harus menghadapi masalah kehadiran Amerika yang semakin besar dan menyeluruh di Indonesia. Indonesia tidak bisa lari dari hakikat bahawa untuk beberapa lama, ia terpaksa bergantung kepada belas kasihan dan rahim pelabur asing.

(END)